

NAMA ..... TINGKATAN .....

**MODUL PINTAS 2024**

**TINGKATAN 5**

**1103/1**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

2 jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**Bahagian A**

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

*Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan seni dan budaya masyarakat Malaysia.*

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **seni dan budaya masyarakat Malaysia**.*

*Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai budaya, adat resam dan ciri keistimewaan yang tersendiri. Kepelbagaian budaya ini telah membentuk satu identiti Malaysia yang harmonis, iaitu sifat majmuk masyarakat kita.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil. 6/2016



### Produk kraf tangan rotan bantu warga emas, suri rumah jana pendapatan

KUCHING - Kepelbagaian produk kraf tangan hasil masyarakat tempatan telah memberikan pulangan yang lumayan kepada mereka.

Seterusnya

### Kepelbagaian Seni Budaya Citra Bangsa Malaysia Tercinta



**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.***1**

KUALA LUMPUR – Tabiat membaca merupakan amalan mulia yang seharusnya dipupuk sejak kanak-kanak mengenal huruf dan tahu mengeja. Pengasas Komuniti Membaca dan Penulis, Puan Safa Safwan menyatakan bahawa amalan membaca yang dipupuk sejak kecil sangat membantu seseorang untuk memperbanyak kosa kata.

Sumber: dewanmasyarakat.jendeladb.my

Huraikan kebaikan memupuk budaya tersebut sejak kecil yang dinyatakan dalam petikan di atas serta kebaikan-kebaikan lain.

**2**

Media massa berperanan besar untuk menyemai semangat perpaduan kaum di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa membantu memudahkan masyarakat berhubung antara satu sama lain di samping turut menjadi medium untuk menyebarkan keunikan setiap kaum di Malaysia. Selain itu, penghasilan filem berkonsepkan kenegaraan melalui media massa juga dapat menyemai perpaduan.

Sumber: dewanmasyarakat.jendeladb.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan peranan media massa untuk menyemai semangat tersebut.

3

**Pantun Jom Sihat**

Bangunan Stadthuys tinggalan Belanda,  
Megah berdiri berkurun lama;  
Hidangan dinikmati berpada-pada,  
Sihat berkhasiat paling utama.

Ke Kampung Morten naik jambatan,  
Sambil berjalan ke Kota Laksamana;  
Bersamalah kita menjaga kesihatan,  
Kurangkan gula kesihatan bermakna.

Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pantun di atas menyatakan langkah-langkah untuk mengamalkan pemakanan yang sihat. Huraikan langkah-langkah tersebut.

4

Dalam dunia yang semakin kompetitif ini, menjadi pekerja cemerlang bukan sesuatu yang mudah kerana pekerja cemerlang mempunyai ciri-ciri yang membezakan mereka dengan pekerja lain. Seorang pekerja cemerlang akan sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran mereka melalui pembelajaran berterusan. Di samping itu, pekerja cemerlang juga perlu menjaga integriti dan berdisiplin.

Sumber: [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my)

Berdasarkan petikan di atas, huraikan ciri-ciri untuk menjadi pekerja cemerlang.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**